

Terma dan Syarat Kad Debit Alliance

Terma dan Syarat

Terma dan Syarat di sini akan mengawal penggunaan Kad ATM/Kad Debit Alliance Bank (“Kad Debit”) anda yang dikeluarkan oleh Alliance Bank Malaysia Berhad (“Bank”) bagi akaun Konvensional atau Islamik (“Akaun”), yang mengikat anda. Anda disifatkan telah menerima Terma dan Syarat ini setelah menerima Kad ATM dan/atau Kad Debit anda (mengikut mana-mana yang berkenaan).

Terma dan Syarat di sini, walau bagaimanapun, boleh digantikan oleh variasi, semakan dan/ atau perubahan sebagaimana yang dibuat oleh Bank dari semasa ke semasa dan pada bila-bila masa, tertakluk kepada notis awal dan pengekalan dan/atau penggunaan Kad ATM dan/atau Kad Debit anda (mengikut mana-mana yang berkenaan) selepas tarikh kuat kuasa variasi, semakan dan/atau perubahan tersebut adalah membentuk penerimaan anda yang tidak berbelah bahagi terhadap variasi, semakan dan/atau, perubahan tersebut.

Semua rekod dan catatan yang terdapat di dalam Penyata Akaun adalah betul dan mengikat anda melainkan notis bertulis yang bertentangan itu adalah diterima oleh Bank dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penyata seperti yang dinyatakan di dalam Penyata Akaun. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan atau aduan, anda boleh ajukan melalui info@alliancecfg.com Sekiranya tiada pemberitahuan daripada anda, Penyata Akaun tersebut adalah disifatkan sebagai pengesahan muktamad anda dan anda menerima semua transaksi yang dinyatakan di dalamnya.

Terma dan Syarat ini juga hendaklah dibaca secara keseluruhan beserta dengan Terma dan Syarat Deposit Bank (Pelanggan Individu), Terma dan Syarat Deposit Islamik, Terma dan Syarat Perkhidmatan allianceonline, dan mana-mana terma dan syarat lain yang berkaitan berkenaan dengan Akaun, serta kaedah dan peraturan lain sebagaimana yang mengikat dan/atau terpakai kepada Bank dari semasa ke semasa.

1. TAKRIFAN

1.1 Dalam Perjanjian ini, melainkan konteks yang sebaliknya dikehendaki:

“**Akaun**” bererti Akaun Konvensional atau Islamik (“Akaun Semasa atau Akaun Semasa Deposit Islamik”) dan/atau Akaun Simpanan Konvensional atau Islamik (“Akaun Simpanan atau Akaun Simpanan Deposit Islamik”) yang dimiliki atau mungkin dimiliki oleh Pemegang Kad dengan Bank pada bila-bila masa dan termasuk akaun yang dibuka oleh pemegang akaun dari semasa ke semasa.

“**Bencana Alam**” bererti apa-apa kejadian yang secara langsung dan semata-mata disebabkan oleh kejadian sebab-sebab semula jadi yang tidak dapat dihalang melalui pelaksanaan pandangan jauh atau berjaga-jaga; suatu kejadian yang tidak dapat dielakkan.

“**Perkhidmatan allianceonline**” bererti perkhidmatan perbankan, perkhidmatan yang boleh diakses oleh Pemegang Kad melalui perbankan internet (Perbankan Peribadi allianceonline) dan/atau perkhidmatan perbankan mudah alih yang disediakan (aplikasi Mudah Alih allianceonline) yang disediakan oleh Bank mengikut Terma dan Syarat ini. Bagi tujuan Terma dan Syarat ini, apa-apa rujukan kepada allianceonline adalah bererti dan termasuk rujukan kepada perkhidmatan yang boleh diakses oleh Pemegang Kad melalui Perbankan Peribadi allianceonline dan/atau Mudah Alih allianceonline, mengikut mana-mana yang berkenaan.

“**ATM**” bererti mesin juruwang automatik atau mesin kendalian kad termasuk namun tidak terhad kepada mesin kepunyaan Bank atau bank lain yang terletak di dalam dan/atau di luar negara yang mengambil bahagian dalam Rangkaian MEPS atau Rangkaian ATM Mastercard.

"Kad ATM" bererti kad yang dikeluarkan oleh Bank yang membolehkan Pemegang Kad menjalankan transaksi ATM dan MyDebit termasuk kad yang dikeluarkan sewaktu pembaharuan atau penggantian kad tersebut.

"Had ATM" bererti had gabungan maksimum seperti yang ditetapkan oleh Pemegang Kad di ATM /aplikasi mudah alih allianceonline Bank (terpakai kepada Kad Debit yang digunakan melalui aplikasi mudah alih allianceonline dengan menggunakan Kenali Pelanggan Anda (e-KYC) secara elektronik sahaja) bagi pengeluaran tunai harian dan/atau pembelian runcit yang dibuat melalui rangkaian pembayaran MyDebit. Had pengeluaran ATM dan pembelian runcit bagi rangkaian pembayaran MyDebit adalah dikongsi.

"Rangkaian Tunai Diberi Kuasa" bermaksud mana-mana cawangan, pejabat dan/atau lokasi yang ditetapkan oleh Bank atau mana-mana institusi ahli yang diberi kuasa untuk menerima CIRRUS atau MEPS atau mana-mana pemilik jenama lain yang mana Bank adalah ahli Mastercard International untuk melaksanakan pengeluaran tunai.

"Pedagang yang Diberi Kuasa" adalah bererti mana-mana peruncit atau orang, firma, atau perbadanan yang menurut perjanjian dagangan dengan Bank bersetuju untuk menerima atau menyebabkan cawangannya menerima Kad Debit apabila dikemukakan dengan sewajarnya bagi pembayaran pembekalan barang dan/atau penyediaan perkhidmatan.

"Autodebit" bererti bayaran berulang yang dibuat oleh Pemegang Kad melalui Kad Debit untuk pembayaran insurans/takaful, bil dan/atau perkhidmatan lain seperti yang disediakan dan/atau diperkenalkan oleh Bank sama ada Alliance Bank atau Alliance Islamic Bank dan termasuk pengganti hak milik dan pemegang serah hak boleh menyediakan dan/atau memperkenalkan dari semasa ke semasa.

"Pemegang Kad" bererti Pemegang Kad Bank yang kepadanya Kad Debit telah dikeluarkan.

"Transaksi Tanpa Kad" bererti transaksi kad yang dibuat sewaktu Pemegang Kad tidak dapat mengemukakan kad secara fizikal apabila pembayaran bagi transaksi tertentu dilaksanakan termasuk namun tidak terhad kepada transaksi dalam talian, autodebit, Pesanan Mel dan Pesanan Telefon (MOTO).

"Transaksi Dengan Kad" bererti transaksi kad yang dibuat sewaktu Pemegang Kad mengemukakan Kad Debit secara fizikal apabila pembayaran bagi transaksi tertentu dilaksanakan termasuk namun tidak terhad kepada Pembelian Runcit.

"Pengeluaran Tunai" bererti wang tunai yang dikeluarkan dari mana-mana Saluran Tunai Diberi Kuasa.

"CIRRUS" adalah bererti mana-mana bank atau institusi kewangan yang mengambil bahagian dalam rangkaian ATM Mastercard yang diuruskan oleh Mastercard.

"Transaksi Tanpa Kad" bererti transaksi kad yang dibuat sewaktu Pemegang Kad tidak dapat mengemukakan kad secara fizikal apabila pembayaran bagi transaksi tertentu dilaksanakan termasuk namun tidak terhad kepada transaksi dalam talian, autodebit, Pesanan Mel dan Pesanan Telefon (MOTO).

"Transaksi Tanpa Sentuh" merujuk kepada transaksi yang dibuat dengan menyentuh seketika atau melalukan Kad Debit di hadapan Pengimbas Tanpa Sentuh.

"CDM" bererti Mesin Deposit Tunai kepunyaan Bank.

"CES" bererti Perkhidmatan Cek Ekspres kepunyaan Bank.

"Baki Semasa" adalah bererti baki yang ada dalam Akaun Khas selepas ditolak Pengeluaran Tunai dan Pembelian Runcit yang ditanggung oleh Pemegang Kad sewaktu Tempoh Penyata.

"Kad Debit" adalah bererti mana-mana kad berjenama Mastercard/MEPS/MyDebit atau Kad ATM (jika berkenaan) yang dikeluarkan oleh Bank termasuk dalam kategori dan/atau jenis sebagaimana yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa yang boleh dikeluarkan secara gabungan atau bersekutu dengan mana-mana pihak ketiga dan/atau bagi apa-apa produk, nama terpilih dan/atau rujukan termasuk apa-apa penggantian yang dikeluarkan oleh Bank kepada Pemegang Kad.

"Transaksi Debit" bererti suatu Transaksi yang dilaksanakan melalui penggunaan Kad Debit dengan PIN atau tanpa sentuh atau tandatangan. Hal ini mungkin termasuk Pengeluaran Tunai, Pembelian Runcit, dan sebarang perkhidmatan lain sebagaimana yang ditawarkan atau diperkenalkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

"Akaun Khas" bererti Akaun utama (yang telah ditentukan oleh Bank) buat masa ini bagi tujuan menjalankan Transaksi Debit. Pemegang Kad boleh menukar Akaun Khas ini dengan membuat permintaan perkhidmatan.

"Tarikh Tamat Tempoh" bererti tarikh tamat tempoh yang dicetak pada Kad Debit jika berkenaan.

"Mastercard" atau **"Mastercard International"** adalah bererti Mastercard International Incorporated, sebuah syarikat yang ditubuhkan di Delaware yang kini pejabat dan tempat perniagaan utamanya terletak di 2000 Purchase Street, Purchase, NY10577- 2509, Amerika Syarikat iaitu Bank tersebut merupakan ahli institusi.

"Rangkaian MEPS" bererti bank dan institusi kewangan yang mengambil bahagian dalam Rangkaian ATM MEPS yang diuruskan oleh Malaysian Electronic Payment System (1997) Sdn Bhd.

"MyDebit" bererti Pembelian Runcit yang dibuat oleh Pemegang Kad melalui Terminal POS atau Pengimbas Tanpa Sentuh yang dipasang di kaunter pembayaran mana-mana Pedagang Yang Diberi Kuasa menerima Kad Debit Bank, dan dihantar ke rangkaian pembayaran MyDebit.

"Transaksi Luar Negara" bererti Transaksi yang dilakukan di tempat Pedagang Diberi Kuasa dan/atau Cawangan Tunai Diberi Kuasa di luar Malaysia dengan menggunakan Kad Debit.

"Perbadanan Penerima" bererti Perbadanan yang bilnya boleh dibayar melalui perkhidmatan tersebut.

"PIN" adalah bererti nombor pengenalan peribadi enam (6) digit Pemegang Kad yang digunakan untuk mengakses Perkhidmatan yang ditawarkan melalui penggunaan Kad Debit.

"POS" bererti tempat jual pada masa dan tempat suatu Pembelian Runcit dilakukan di cawangan Pedagang yang Diberi Kuasa.

"Had POS" bererti had maksimum yang dibenarkan oleh Pemegang Kad di ATM atau aplikasi mudah alih allianceonline (terpakai untuk Kad Debit yang digunakan melalui aplikasi mudah alih allianceonline dengan menggunakan Kenali Pelanggan Anda (e-KYC) secara elektronik sahaja) yang boleh digunakan untuk Pembelian Runcit yang dibuat melalui rangkaian pembayaran Mastercard di cawangan Pedagang yang Diberi Kuasa masing-masing.

"Terminal POS" bererti suatu peranti elektronik kepunyaan Bank atau mana-mana bank atau institusi kewangan lain atau mana-mana pihak ketiga lain di Malaysia atau di tempat lain yang digunakan untuk memproses pembayaran kad di cawangan Pedagang Yang Diberi Kuasa yang menerima pembayaran.

"Penerima" bererti mana-mana pihak yang Transaksi kepadanya memerlukan Bank untuk menyerah atau mengirim apa-apa Transaksi, dokumen, atau pembayaran. Penerima hendaklah, sepetimana yang diperlukan oleh konteks, termasuk Pemegang Kad.

"Pembelian Runcit" adalah bererti bagi tujuan Perjanjian ini, semua pembayaran bagi Transaksi Dengan Kad dan/atau Transaksi Tanpa Kad yang ditanggung dengan menggunakan Kad Debit.

"Kod Keselamatan" bererti kod keselamatan yang diberikan oleh Bank kepada Pemegang Kad bagi akses kepada Perkhidmatan masing-masing yang terdiri daripada PIN, TPIN (bagi Perkhidmatan Perbankan Telefon), TPIN dan TAC (untuk allianceonline), dan termasuk mana-mana nama pengguna, kata laluan, nombor pengenalan peribadi, sijil digital, atau apa-apa kod keselamatan lain yang mungkin dikeluarkan oleh Bank dari semasa ke semasa bagi akses kepada semua atau mana-mana Perkhidmatan dan rujukan kepada istilah "Kod Keselamatan" adalah bererti kod atau kod-kod keselamatan berkaitan dengan Perkhidmatan masing-masing sepetimana yang akan diperlukan mengikut konteks.

"Perkhidmatan" bererti perkhidmatan yang ditawarkan kepada Pemegang Kad melalui SST, Kad Debit, allianceonline, Perbankan Telefon, dan apa-apa perkhidmatan perbankan elektronik lain sebagaimana yang ditawarkan atau diperkenalkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

"SST" bererti Terminal Perkhidmatan Kendiri yang termasuk ATM, CDM, dan CES.

"Penyata Akaun" bererti penyata akaun Akaun Khas yang menggambarkan Transaksi yang dibuat oleh Pemegang Kad dengan menggunakan Kad Debit yang boleh diakses oleh Pemegang Kad melalui allianceonline atau dikemas kini dalam buku simpanan Pemegang Kad.

"Tempoh Penyata" adalah bererti tempoh yang ditentukan oleh Bank apabila semua Pengeluaran Tunai, Pembelian Runcit, termasuk apa-apa fi dan/atau caj dalam apa jua bentuk yang ditanggung dengan menggunakan Kad Debit termasuk apa-apa pembayaran yang dibuat untuk dikreditkan kepada akaun Kad Debit dan apa pun juga semua Transaksi lain sebagaimana yang sesuai direkodkan oleh Bank dan ditunjukkan dalam Penyata Akaun.

"Transaksi" atau **"Arahan"** bererti semua transaksi perbankan yang dibuat melalui penggunaan Kad Debit dan adalah termasuk namun tidak terhad pada Pengeluaran Tunai, Pembelian Runcit, pembayaran, pemindahan dana, pertanyaan baki, deposit tunai atau cek, pembayaran bil, perkhidmatan aplikasi terbitan saham awam, dan apa-apa perkhidmatan perbankan elektronik lain yang akan ditawarkan atau diperkenalkan oleh Bank dari semasa ke semasa (sama ada melalui ATM, Terminal POS, Pengimbas Tanpa Sentuh, allianceonline, atau terminal atau saluran lain yang boleh didapati oleh Pemegang Kad). Untuk mengelakkan keraguan, istilah "Transaksi" atau "Arahan" adalah juga termasuk "Transaksi Debit".

"Had Transaksi" bererti Had ATM dan Had POS harian terkumpul maksimum yang dibenarkan oleh Bank yang mungkin berbeza-beza mengikut Bank dari semasa ke semasa dengan pemberitahuan kepada Pemegang Kad untuk menjelaskan Transaksi. Perkataan-perkataan yang menunjukkan jantina maskulin adalah termasuk gender wanita dan neutral dan begitu juga sebaliknya. Perkataan-perkataan yang terpakai kepada orang sebenar adalah termasuk sesiapa sahaja atau orang, syarikat, perbadanan, firma atau perkongsian, korporat atau diperbadankan, jika berkenaan.

2. PENERIMAAN DAN PENGGUNAAN KAD DEBIT

- 2.1 Pelanggan yang mempunyai akaun dengan Bank layak memohon suatu Kad Debit di mana-mana cawangan atau aplikasi mudah alih allianceonline Bank (terpakai bagi akaun yang dibuka melalui aplikasi mudah alih allianceonline dengan menggunakan Kenali Pelanggan Anda secara elektronik (e-KYC) sahaja).

- 2.2 Kad Debit yang digunakan melalui aplikasi mudah alih allianceonline (terpakai bagi akaun yang dibuka melalui aplikasi mudah alih allianceonline dengan menggunakan Kenali Pelanggan Anda secara elektronik (e-KYC) sahaja) akan dihantar kepada Pemegang Kad di alamat berdaftar yang dinyatakan di dalam aplikasi. Kad Debit/Kad Debit-i akan dihantar kepada Pemegang Kad dalam tempoh 14 hari selepas deposit pertama dimasukkan dalam akaun yang baru berjaya dibuka melalui pemindahan dalam talian.
- 2.3 Pemegang Kad boleh mengaktifkan Kad Debit untuk mendapatkan akses kepada perkhidmatan yang tersedia untuk Kad Debit melalui:
- Kiriman PIN yang diberikan kepada Pemegang Kad semasa permohonan di cawangan
 - Penciptaan dan pengaktifan PIN melalui Digital Banking One System (DBOS)
 - Penciptaan dan pengaktifan PIN melalui aplikasi mudah alih allianceonline dengan mengikut langkah dan arahan mudah yang disediakan oleh allianceonline. Sekiranya Kad Debit tidak diaktifkan dalam tempoh 30 hari dari hari kad dikeluarkan, Kad Debit tersebut akan disekat. Permohonan pengantian Kad Debit boleh dilakukan di mana-mana cawangan Alliance Bank.
- 2.4 Pemegang Kad mengakui dan bersetuju bahawa:
- pemegang Kad mesti menandatangan di belakang Kad Debit dengan serta-merta sesudah menerima dari Bank;
 - Kad Debit tidak boleh dipindah milik dan hanya boleh digunakan oleh orang yang kepadanya kad dikeluarkan;
 - Kad Debit hendaklah dipautkan kepada Akaun (Akaun-Akaun) kepunyaan Pemegang Kad untuk menjalankan transaksi;
 - Pemegang Kad dibenarkan untuk membuat pautan sehingga tujuh (7) Akaun pada Kad Debit tersebut. Apabila lebih daripada satu (1) Akaun dipautkan pada Kad Debit tersebut, Pemegang Kad hendaklah menetapkan satu (1) Akaun sebagai Akaun Khas;
 - Pengeluaran Tunai dan Pembelian Runcit MyDebit yang dibuat dengan menggunakan Kad Debit adalah tertakluk kepada Had ATM yang ditetapkan oleh Pemegang Kad, tertakluk kepada had maksimum yang dibenarkan oleh Bank. Jika Kad Debit ditandakan pada Akaun Junior Smart Saver-i, had maksimum pengeluaran sebulan ialah RM500.00 dan had pengeluaran boleh ditukar kepada had yang lebih rendah melalui permintaan yang dibuat di kaunter di mana-mana cawangan Bank. Hanya ibu bapa atau penjaga yang sah dibenarkan untuk menetapkan had pengeluaran ATM;
 - Kad Debit hendaklah dipautkan kepada Akaun (Akaun-Akaun) kepunyaan Pemegang Kad untuk menjalankan transaksi.
- 2.5 Bagi Transaksi Runcit Kad Debit melalui rangkaian pembayaran Mastercard dan/atau untuk pembelian dalam talian, pembelian tersebut adalah tertakluk kepada had POS yang ditetapkan oleh Pemegang Kad, tertakluk kepada had maksimum yang dibenarkan oleh Bank;
- untuk membayar pembelian dengan menggunakan Kad Debit di mana-mana Pedagang yang Diberi Kuasa, Pemegang Kad boleh memberi kuasa Transaksi Debit dengan (i) menandatangan Resit Transaksi yang disediakan oleh Pedagang yang Diberi Kuasa; (ii) memasukkan PIN di Terminal POS; atau (iii) membuat Transaksi Tanpa Sentuh;
 - sekiranya pembelian dengan menggunakan Kad Debit dibuat melalui dalam talian, pesanan mel atau pesanan telefon (MOTO), SST, atau transaksi tanpa perlu tandatangan, Pemegang Kad bersetuju bahawa resit pengesahan dan/atau penerimaan yang dikeluarkan oleh mana-mana Pedagang Diberi Kuasa atau sekutunya bagi transaksi tersebut adalah disifatkan sebagai bukti berdokumen yang memuaskan untuk digunakan dan Pemegang Kad mesti mematuhi Terma dan Syarat ini;
 - Pemegang Kad tidak akan menggunakan Kad Debit untuk, atau berkaitan dengan sebarang aktiviti atau tujuan yang menyalahi undang-undang seperti pertaruhan atau pembayaran dalam talian yang menyalahi undang-undang bagi sebarang pembelian yang menyalahi undang-undang yang boleh menyebabkan Bank menolak Transaksi Debit di Terminal POS atau gerbang bayaran dan menamatkan kad tersebut serta-merta, tanpa sebarang liabiliti terhadap Bank;

- d) Bank tidak mewakili atau menjamin bahawa penggunaan kad Debit tidak akan bebas gangguan, sampukan, atau ralat. Melainkan jika terbukti bahawa gangguan, sampukan, kerosakan teknikal tersebut atau kecekapan lain di dalam sistem atau peralatan Bank atau ralat yang timbul secara langsung daripada keingkaran atau kecuaian Bank yang disengajakan, Bank tidak akan bertanggungjawab, bertanggungjawab atau bertanggungjawab dalam apa jua cara sekalipun kerana apa-apa kerugian, kerosakan, atau kecederaan, kerugian lain yang ditanggung oleh Pemegang Kad jika Kad Debit tidak dihormati.
- e) jika Pemegang Kad menanggung sebarang kelewatan, kos, perbelanjaan, kerugian, kerosakan, dan/atau kemudaratan lain disebabkan oleh sebarang cacat atau pincang tugas mekanikal mana-mana ATM, Terminal POS, rangkaian internet atau disebabkan oleh kehilangan atau sampukan bekalan kuasa, Pemegang Kad dengan ini membebaskan Bank daripada sebarang dan semua liabiliti dan tanggungjawab; dan
- f) Pemegang Kad bersetuju bahawa semua Transaksi yang dilaksanakan pada Kad Debit adalah tertakluk kepada:
- Had ATM dan Had POS masing-masing;
 - fi dan caj adalah seperti yang dinyatakan dalam Tarif dan Caj Bank di laman web Bank di www.alliancebank.com.my/general/fees-and-charges.aspx; dan
 - baki Semasa dalam Akaun Khas adalah mencukupi untuk membenarkan sebarang Transaksi dan fi dan/atau caj yang dikenakan oleh Bank.
- g) Bank tidak akan, dalam apa jua keadaan bertanggungan:
- Bagi sebarang kegagalan disebabkan oleh sebarang cacat mekanikal atau pincang tugas mana-mana ATM, terminal Tempat Jualan, rangkaian internet, atau terminal atau saluran lain yang tersedia kepada Pemegang Kad atau berpunca daripada kehilangan atau sampukan bekalan kuasa.
 - Sekiranya terdapat sebarang Kad Debit atau penggunaan kemudahan kad ditolak oleh mana-mana Pedagang Diberi Kuasa atau mana-mana terminal yang digunakan untuk memproses transaksi kad atau berhubung dengan kemudahan kad atau sekiranya Bank enggan, mengikut dasar-dasarnya, untuk membenarkan sebarang transaksi kad.
 - Bagi sebarang kerosakan, kehilangan, atau ketakupayaan untuk mendapatkan semula sebarang data atau maklumat sebagaimana yang disimpan pada kad atau sebarang cip mikro atau litar atau peranti pada kad.
- 2.6 Sekiranya terdapat pertikaian antara Pemegang Kad dengan Perbadanan Penerima atau Pedagang Diberi Kuasa yang timbul daripada penggunaan Kad Debit, atau apabila Pemegang Kad telah terlebih bayar jumlah yang belum selesai kepada Perbadanan Penerima atau Pedagang Diberi Kuasa, Pemegang Kad hendaklah menyelesaikan pertikaian tersebut dengan atau mendapatkan pelarasan atau bayaran balik daripada, mengikut mana-mana yang berkenaan, Perbadanan Penerima atau Pedagang Diberi Kuasa dan Pemegang Kad dengan ini bersetuju bahawa Pemegang Kad tidak akan menjadikan Bank bertanggungan atas sebarang kerugian atau kerosakan yang mungkin ditanggung oleh Pemegang Kad akibat pertikaian atau lebihan pembayaran.
- 2.7 Pemegang Kad akan dikehendaki untuk menggunakan Kad Debit dan PIN untuk mendaftar allianceonline di ATM dan/atau laman web Bank (www.allianceonline.com.my) atau laman web lain sebagaimana yang dimaklumkan kepada Pemegang Kad oleh Bank. Dengan mendaftar allianceonline, Pemegang Kad adalah bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat allianceonline seperti yang dinyatakan di laman web yang berkaitan.
- 2.8 Amaun prapemberikuasaan sebanyak RM200.00 ("Amaun Prapemberikuasaan") diperlukan bagi transaksi petrol di pam layan diri di stesen minyak. Amaun Prapemberikuasaan ialah pegangan sementara daripada Baki Semasa Akaun Khas anda sebelum petrol diisi. Amaun Prapemberikuasaan akan dikosongkan dalam tempoh tiga (3) hari kalender dan amaun sebenar bagi transaksi petrol akan didebitkan daripada Akaun Khas anda.

- 2.9 *Pemegang Kad boleh menggunakan Kad Debit untuk sebarang transaksi. Jika Akaun Khas yang dipautkan kepada Kad Debit ialah Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa-i, Kad Debit hanya boleh digunakan untuk pembelian barang dan perkhidmatan patuh Syariah sahaja.*
- 3.0 *Penggunaan Kad Debit oleh Pemegang Kad adalah dikawal oleh Terma dan Syarat di sini, termasuk semua syarat-syarat, arahan, peraturan, dan garis panduan yang berkaitan dengannya dikeluarkan oleh Bank dan mana-mana pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa terhadap Bank, pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa.*

3. TRANSAKSI TANPA SENTUH

- 3.1 *Kad Debit menyokong dua (2) jenis Transaksi Tanpa Sentuh, iaitu:*
- a) MyDebit tanpa sentuh – kaedah pembayaran tanpa sentuh melalui rangkaian pembayaran MyDebit yang boleh dilakukan di mana-mana Terminal POS yang memaparkan logo MyDebit; dan*
 - b) Mastercard PayPass – kaedah pembayaran tanpa sentuh melalui rangkaian pembayaran Mastercard yang boleh dilakukan di mana-mana Terminal POS yang memaparkan logo Mastercard PayPass.*
- 3.2 *Setiap Transaksi Tanpa Sentuh dihadkan pada RM250. Dalam kes apabila Transaksi Tanpa Sentuh telah melebihi ambang RM250 bagi setiap Transaksi Tanpa Sentuh, Pemegang Kad dikehendaki menandatangan suatu draf jualan transaksi yang dijana daripada Terminal POS atau memasukkan PIN di Terminal POS.*
- 3.3 *Sekiranya Transaksi Tanpa Sentuh melebihi had tanpa sentuh terkumpul, Pemegang Kad masih boleh membuat pembayaran dengan memasukkan Kad Debit pada Terminal POS dan memasukkan PIN. Sebaik sahaja PIN disahkan, draf jualan transaksi akan dikeluarkan selepas diberi kebenaran.*
- 3.4 *Transaksi Tanpa Sentuh adalah tertakluk kepada Had Transaksi.*

4. AKAUN DEBIT

- 4.1 *Bank hendaklah memberikan Penyata Akaun bulanan (untuk akaun aktif sahaja) kepada Pemegang Kad yang menunjukkan Transaksi yang ditanggung oleh Pemegang Kad.*
- 4.2 *Transaksi yang disiarkan dalam Akaun Khas dengan Bank seperti yang terdapat dalam Penyata Akaun bulanan adalah betul dan mengikat Pemegang Kad (dan dalam hal Akaun bersama, semua pemegang akaun) melainkan notis bertulis yang bertentangan telah diberikan kepada Bank dalam tempoh dua puluh satu (21) hari dari Tarikh Penyata seperti yang dinyatakan dalam Penyata Akaun bulanan.*
- 4.3 *Sekiranya tiada pemberitahuan daripada Pemegang Kad dengan cara yang dinyatakan dalam fasal di atas, Penyata Akaun akan menjadi bukti muktamad pengesahan dan penerimaan Transaksi di dalamnya oleh Pemegang Kad.*
- 4.4 *Sekiranya Akaun Pemegang Kad melebihi jumlah keluar, Pemegang Kad hendaklah, atas permintaan daripada Bank, membayar amaun terlebih keluar termasuk apa-apa faedah terhadapnya yang akan dikira berdasarkan kadar faedah semasa Bank (tidak terpakai untuk pemegang Kad Debit bagi Akaun Semasa atau Akaun Simpanan Deposit Islamik).*
- 4.5 *Rekod Bank yang membuktikan transaksi tersebut juga adalah disifatkan sebagai muktamad, kukuh, dan mengikat Pemegang Kad.*

- 4.6 *Bank tidak akan menjelaskan sebarang perintah pembayaran atau Arahan melainkan terdapat baki yang mencukupi dalam Akaun Khas pada tarikh pesanan pembayaran atau Arahan dan Bank tidak akan bertanggungan terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pemegang Kad yang timbul daripadanya. Baki Akaun Khas adalah tidak termasuk cek yang tidak jelas atau kiriman wang yang tidak diterima. Semua pesanan atau Arahan pembayaran akan terbatas sekiranya Akaun Khas ditutup atau pesanan atau Arahan pembayaran dibatalkan pada atau sebelum tarikh pembayaran.*
- 4.7 *Pemegang Kad mesti memaklumkan, secara lisan atau bertulis kepada Bank akan sebarang perubahan dalam butirannya, termasuk namun tidak terhad kepada, nombor Kad Pengenalan Pendaftaran Negara (NRIC), nama, dan alamat yang mungkin terdapat dari semasa ke semasa dan untuk memastikan tidak meletakkan kesalahan pada Bank atas sebarang tuntutan, kerugian, kerosakan, kos, dan perbelanjaan yang timbul daripada sebarang perubahan butiran ini.*
- 4.8 *Bank berhak untuk menganggap rekod Bank bagi apa-apa Transaksi yang dibuat melalui penggunaan Kad Debit termasuk Transaksi di ATM, CDM, Pengimbas Tanpa Sentuh/Terminal POS tertentu, dan/atau melalui apa-apa mod lain sebagaimana yang diperkenalkan atau dilaksanakan dari semasa ke semasa, sebagai bukti Transaksi yang dibuat dengan betul oleh Pemegang Kad untuk didebitkan kepada Akaun.*
- 4.9 *Dalam keadaan tertentu, Mastercard boleh membenarkan Pemegang Kad untuk mengenakan semula caj transaksi suatu Kad Debit kepada Pedagang Diberi Kuasa dengan sesesiapa Pembelian Runcit dibuat (jika hak caj balik tersedia) tertakluk kepada aduan atau pertikaian yang telah dibuat kepada Bank oleh Pemegang Kad secara lisan atau secara bertulis dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalender dari tarikh pencatatan Transaksi tersebut di dalam Akaun Khas Pemegang Kad dan Pemegang Kad telah memberikan maklumat yang diperlukan yang diminta oleh Bank untuk menyokong caj balik dalam tempoh masa yang diminta.*
- 4.10 *Semua Transaksi yang timbul daripada penggunaan Kad Debit yang ditetapkan untuk Akaun bersama hendaklah mengikat semua pemegang akaun, yang bertanggungan dan bertanggungjawab secara bersama dan berasingan terhadap Transaksi. Mandat suatu Akaun bersama tidak boleh dibatalkan sehingga dan melainkan pemegang akaun bersama yang mandatnya bakal dibatalkan menyerahkan Kad Debitnya kepada Bank.*
- 4.11 *Transaksi di ATM dengan menggunakan Kad Debit bagi perkhidmatan mudah alih Pengeluaran Tunai, pemindahan dana, pembayaran bil, dan terbitan saham awam tertakluk kepada had harian yang ditetapkan oleh Bank atau tertakluk kepada ketersediaan Baki Semasa.*
- 4.12 *Pemegang Kad bersetuju untuk melaksanakan pembayaran atau pemindahan bagi tujuan melunaskan komitmen sebelum masa yang ditetapkan seperti yang ditentukan oleh Perbadanan Penerima, Peniaga Diberi Kuasa, atau Penerima.*
- 4.13 *Bank tidak akan bertanggungan kepada Pemegang Kad bagi sebarang kos, perbelanjaan, kerugian, kerosakan, dan/atau apa-apa kemudaratan lain yang ditanggung oleh Pemegang Kad walau apa jua pun yang timbul daripada dan/atau bersampingan dengan sebarang kelewatan, ralat, ketakupayaan, kesilapan, dan/atau ketinggalan dalam penyediaan apa-apa jenis perkhidmatan SST, Mastercard, CIRRUS, MEPS, atau MyDebit, termasuk yang timbul daripada dan/atau bersampingan dengan:*
 - mana-mana Undang-undang, Peraturan Bank Negara, mana-mana undang-undang atau peraturan perbankan antarabangsa lain yang berkaitan, dan/atau mana-mana kaedah atau peraturan lain yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa yang berkuasa dalam hal itu;*
 - sebarang ralat, kesilapan dan/atau kegagalan di pihak Pemegang Kad termasuk namun tidak terhad kepada nombor akaun yang tersalah masuk oleh Pemegang Kad semasa menggunakan Perkhidmatan;*

- c) penyediaan, penghantaran serah, dan/atau penghantaran apa-apa Arahan dan/atau Transaksi yang dilakukan oleh pemegang kad
- d) ketakupayaan untuk mengesan atau kesilapan pengecaman mana-mana Penerima yang diberi kuasa oleh pemegang kad; dan
- e) ketakupayaan mana-mana Penerima untuk menghantar serah, menyediakan, membentangkan, atau memanfaatkan apa-apa Arahan, dokumen kredit, pembayaran dan/atau Kiriman Wang walau apa pun penyebabnya.

5. FI DAN CAJ LAIN YANG BERKAITAN

- 5.1 Bank akan mengenakan fi dan caj bagi Perkhidmatan yang diberikan termasuk namun tidak terhad kepada Fi Pengeluaran Kad, Fi Tahunan, Fi Penggantian Kad, Fi Pengeluaran Tunai melalui Mastercard, Rangkaian CIRRUS dan MEPS, Fi Pertanyaan Baki melalui Rangkaian CIRRUS dan MEPS, Fi Dapatan Semula Draf Jualan, dan Fi Pertukaran Transaksi Luar Negara. Walau apa pun pengenaan fi tersebut, Transaksi yang dijalankan melalui Perkhidmatan akan dikenakan caj dan komisen yang biasa.
- 5.2 Pemegang Kad bersetuju untuk membayar semua fi dan caj yang ditanggung dalam fasal ini dan memberi kuasa kepada Bank untuk mendebit Akaunnya, pada bila-bila masa walaupun pendebitan tersebut boleh menyebabkan Akaun terlebih keluar.
- 5.3 Fi dan caj mungkin diubah dari semasa ke semasa mengikut dasar-dasar Bank. Sekiranya terdapat sebarang perubahan pada fi dan caj, Bank akan memberikan notis dua puluh satu (21) hari.
- 5.4 Melainkan dinyatakan sebaliknya di sini, caj Bank tidak termasuk sebarang cukai semasa dan cukai akan datang yang mungkin dikenakan mengikut undang-undang yang berkaitan. Selepas tarikh kuat kuasa pelaksanaan mana-mana cukai tersebut pada masa akan datang dan di mana-mana sahaja yang berkenaan, Bank akan berhak untuk mendapatkan semula cukai tersebut daripada Pemegang Kad.
- 5.5 Semua fi dan caj berkaitan Kad Debit dapat diakses di <https://www.alliancebank.com.my/fees-and-charges>

6. PEMILIKAN KAD DAN PENGURUSAN KOD KESELAMATAN

- 6.1 Tanggungjawab Pemegang Kad
 - a) Kad Debit akan tetap menjadi hak milik Bank pada setiap masa dan Pemegang Kad hendaklah tidak memindahkan atau sebaliknya berpisah dengan kawalan atau pemilikan Kad Debit bagi sebarang penggunaan atau tujuan yang tidak dibenarkan oleh Bank mengikut Perjanjian ini.
 - b) Pemegang Kad hendaklah tidak menggunakan Kad Debit namun akan mengembalikan kad yang sama dipotong separuh kepada Bank sekiranya berlaku salah satu daripada berikut:
 - i) apabila tamat tempoh Kad Debit;
 - ii) selepas pembatalan, penamatan, penggantian, dan penyerahan Kad Debit oleh Pemegang Kad;
 - iii) atas permintaan yang dibuat oleh Bank bagi pemulangan Kad Debit;
 - iv) selepas pembatalan, penarikan balik, dan penggantungan Kad Debit oleh Bank;
 - v) apabila Kad Debit ditemukan selepas pemberitahuan akan kehilangan atau kecuriannya;
 - vi) PIN didedahkan atau terdedah atau terjejas, secara sukarela atau sebaliknya, kepada mana-mana orang; atau
 - vii) kegagalan daripada pihak Pemegang Kad untuk mengingati PIN.
 - c) Apabila Pemegang Kad mengembalikan Kad Debit untuk pembatalan atau setelah kehilangan, kecurian, atau kecacatan Kad Debit, Bank boleh, mengikut dasar-dasarnya,

mengeluarkan Kad Debit gantian kepada Pemegang Kad. Mana-mana Kad Debit gantian yang dikeluarkan oleh Bank akan tertakluk kepada fi penggantian seperti yang dinyatakan mengikut Fi dan Caj Bank.

6.2 Kerahsiaan PIN

- a) *PIN adalah betul-betul sulit dan hendaklah disimpan rapi oleh Pemegang Kad dan tidak boleh didedahkan kepada sesiapa sahaja dalam apa jua keadaan atau atas apa jua sebab. Pemegang Kad hendaklah:*
 - i) menandatangan kad sebaik sahaja menerima dan mematuhi apa-apa arahan keselamatan;
 - ii) menggunakan Nombor Pengenalan Peribadi (PIN) enam (6) digit yang unik yang sukar diteka atau ditiru;
 - iii) melindungi kad, PIN, dan sebarang butiran keselamatan kad;
 - iv) tidak memilih suatu PIN atau menggunakan PIN tersebut dengan cuai atau melulu yang akan menyumbang kepada atau menyebabkan kerugian daripada sebarang transaksi tanpa kebenaran daripada penggunaan Kad oleh mana-mana pihak ketiga;
 - v) memusnahkan sebarang pemberitahuan PIN atau butiran keselamatan kad dan tidak mendedahkan PIN kepada orang lain termasuk polis dan kakitangan Bank;
 - vi) tidak memberarkan orang lain melihat PIN apabila anda memasukkannya atau apabila terpapar; dan
 - vii) memaklumkan Bank dengan serta-merta (secara lisan atau bertulis) apabila menyedari PIN telah terdedah, digunakan, atau diketahui oleh pihak ketiga dan memotong Kad pada separuh merentangi jalur magnet dan cip untuk memastikan kad benar-benar rosak.
- b) *Pemegang Kad hendaklah mengambil langkah yang sepatutnya untuk memastikan Kad Debit dan PIN selamat pada setiap masa dan di mana-mana tempat, termasuk di tempat kediaman Pemegang Kad. Hal ini termasuklah tidak:*
 - i) mendedahkan butiran Kad Debit atau PIN kepada mana-mana orang lain;
 - ii) menulis PIN pada Kad Debit atau apa-apa yang disimpan berdekatan dengan Kad Debit;
 - iii) menggunakan PIN yang diambil daripada tarikh lahir, kad pengenalan, pasport, lesen memandu, atau nombor telefon kenalan Pemegang Kad; dan
 - iv) membenarkan mana-mana orang lain menggunakan Kad Debit dan PIN.
- c) *Sekiranya PIN telah didedahkan atau terdedah atau terjejas atas apa jua sebab atau sekiranya Pemegang Kad terlupa PINnya, Pemegang Kad dengan ini berjanji untuk segera memaklumkan Bank secara lisan dan bertulis dan mengembalikan kad, dipotong dua, kepada Bank.*

6.3 Pengurusan Kod Keselamatan

- a) *Pemegang Kad dengan ini memberi kuasa kepada Bank untuk menyerahkan Kod Keselamatan/PIN kepadanya atas risiko Pemegang Kad sendiri dan Pemegang Kad bersetuju untuk tidak menyalahkan Bank atas semua tuntutan dan liabiliti, kerugian atau kerosakan yang ditanggung atau dialami sekiranya PIN gagal sampai kepada Pemegang Kad oleh sebab dokumen yang mengandungi Kod Keselamatan dipintas atau disimpan oleh mana-mana orang lain atau hilang dalam perjalanan.*
- b) *Bawahan Kod Keselamatan mesti dirahsiakan dan sebaik sahaja diterima oleh Pemegang Kad Kod Keselamatan mesti ditukar serta-merta selepas Pemegang Kad telah menerima dan membacanya dan hanya boleh digunakan oleh Pemegang Kad dan bukannya orang lain. Sekiranya Kod Keselamatan tidak dikeluarkan kepada Pemegang Kad, Pemegang Kad akan dinasihatkan untuk mewujudkan Kod Keselamatan sendiri sebagai suatu syarat untuk mengakses Perkhidmatan.*
- c) *Untuk mendapatkan akses kepada Perkhidmatan allianceonline, Pemegang Kad perlu disahkan terlebih dahulu melalui ATM dan Kod Keselamatannya bagi pendaftaran nombor*

telefon mudah alih untuk menerima Kod Keselamatan yang diperlukan untuk menjayakan log masuk kali pertama. Terma penggunaan Perkhidmatan allianceonline akan dikawal melalui "Syarat bagi Perkhidmatan allianceonline" yang termasuk namun tidak terhad kepada penggunaan Perkhidmatan allianceonline dan dasar pemautan akaun.

- d) *Bahawa tiada sesiapa selain daripada Pemegang Kad memiliki akses atau boleh memiliki akses kepada Kod Keselamatan untuk membolehkannya menjalankan sebarang Transaksi melalui apa-apa Perkhidmatan dan Kod Keselamatan tidak ditulis dalam sebarang bentuk atau cara yang boleh ditafsirkan oleh sesiapa sahaja atau disimpan bersama atau didedahkan atau terdedah kepada mana-mana orang (termasuk pekerja Bank) dalam apa jua keadaan atau pada bila-bila masa.*
- e) *Pemegang Kad memahami dan bersetuju bahawa Kod Keselamatannya betul-betul sulit dan dengan ini berjanji untuk tidak mendedahkan atau membiarkan terdedah atau menjelaskan atau dalam apa-apa cara menyebabkan atau membenarkan Kod Keselamatannya didedahkan atau terdedah atau terjejas kepada mana-mana orang dalam apa jua keadaan termasuk Kakitangan Bank atau dengan sebarang cara sama ada secara sukarela atau sebaliknya, dan mesti mengambil semua langkah berjaga-jaga untuk menghalang Kod Keselamatan daripada diketahui oleh mana-mana orang lain. Pemegang Kad memahami dan bersetuju bahawa kegagalan untuk mematuhi syarat-syarat ini boleh mendedahkan Pemegang Kad kepada akibat kecurian dan/atau penggunaan Kad Debit tanpa kebenaran, iaitu Pemegang Kad akan bertanggungan terhadap semua Transaksi yang dibuat dan caj yang ditanggung pada Kad Debit, sama ada Transaksi atau caj sedemikian dalam pengetahuan atau kuasanya atau sebaliknya.*

7. TRANSAKSI LUAR NEGARA

- 7.1 *Transaksi Luar Negara akan tertakluk kepada fi dan caj seperti yang ditetapkan bagi Transaksi Luar Negara yang terkandung dalam Terma dan Syarat ini. Kadar pertukaran, jika berkenaan, adalah pada kadar pertukaran lari semasa pada tarikh Transaksi.*
- 7.2 *Semua Transaksi antara negara oleh Pemegang Kad adalah tidak melanggar undang-undang sedia ada di negara tempat Transaksi terlibat. Jika berkenaan, Pemegang Kad hendaklah mematuhi garis panduan yang dinyatakan dalam Notis Pertukaran Asing yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dan adalah bertanggungan terhadap sebarang pelanggaran peraturan tersebut, termasuk sebarang pindaan padanya.*
- 7.3 *Bank boleh pada bila-bila masa memberi notis, kepada Pemegang Kad apabila Kad Debit tidak boleh digunakan di mana-mana ATM atau Pedagang yang Diberi Kuasa di luar Malaysia dan Bank tidak akan bertanggungan kepada Pemegang Kad atas apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pemegang Kad akibat daripada penggantungan atau penamatkan tersebut disebabkan oleh ketiadaan kemudahan kad di negara atau negara-negara tersebut.*
- 7.4 *Bagi Transaksi mata wang asing (Transaksi selain daripada yang dibuat dalam Ringgit Malaysia), kadar pertukaran pada tarikh pencatatan tersebut adalah pada kadar pertukaran lari semasa pada tarikh Transaksi dicatatkan.*
- 7.5 *Transaksi mata wang asing pertama kali ditukar kepada Dolar AS melalui Mastercard International sebelum Dolar AS kemudiannya ditukar kepada Ringgit Malaysia pada tarikh Transaksi dicatatkan dalam Akaun Khas Pemegang Kad pada kadar pertukaran dan caj sebagaimana yang ditentukan oleh Mastercard International dan adalah termasuk 1% spread pertukaran asing oleh Bank.*
- 7.6 *Semua Pembelian Runcit antarabangsa yang dibuat secara tanpa sentuh atau PIN dan Transaksi melalui ATM adalah tertakluk kepada undang-undang yang wujud di negara tempat Transaksi yang dinyatakan di atas berasal. Bagi semua Transaksi tersebut, kadar pertukaran, jika berkenaan, adalah berada pada kadar pertukaran lari semasa pada tarikh Transaksi dicatatkan.*

8. KEPERLUAN IKUT SERTA BAGI TRANSAKSI LUAR NEGARA DAN TRANSAKSI TANPA KAD

- 8.1 Pemegang Kad hanya akan dapat melaksanakan Transaksi Luar Negara dan/atau Transaksi Dengan Kad dengan menggunakan Kad Debit sekiranya dia telah mendaftar untuk ikut serta dengan cara berikut:
- Transaksi Luar Negara melalui mesin ATM atau dengan menghubungi Pusat Perhubungan Bank di 03-5516 9988.
 - Transaksi Tanpa Kad melalui mana-mana cawangan Bank atau dengan menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan Bank di 03-5516 9988.
- 8.2 Pemegang Kad boleh pilih keluar pada bila-bila masa dengan cara berikut:
- Transaksi Luar Negara melalui mesin ATM atau dengan menghubungi Pusat Perhubungan Bank di 03-5516 9988.
 - Transaksi Tanpa Kad melalui mana-mana cawangan Bank atau dengan menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan Bank di 03-5516 9988.

9. LIABILITI PEMEGANG KAD

- 9.1 Pemegang Kad bersetuju dan beraku janji untuk mengambil semua langkah berjaga-jaga dan pengawasan yang sepatutnya untuk mengelakkan kehilangan atau kecurian Kad Debit, tidak mendedahkan Kod Keselamatan dan/atau butiran peribadi dan akaun kepada mana-mana orang, dan hendaklah segera memaklumkan Bank (sekiranya berlaku kehilangan atau kecurian di Malaysia) atau Mastercard International (sekiranya berlaku kehilangan atau kecurian di luar Malaysia) akan kehilangan atau kecurian Kad Debit melalui telefon, pos, penghantaran faksimili, atau mel elektronik yang disertakan dengan laporan polis. Pemegang Kad memahami sepenuhnya bahawa kegagalan untuk mengambil langkah berjaga-jaga dan pengawasan yang sepatutnya dengan Kad Debitnya boleh mendedahkannya kepada akibat kecurian dan/atau penggunaan tanpa kebenaran Kad Debitnya. Sekiranya berlaku kerugian, Bank dan/atau Mastercard tidak wajib untuk memberikan penggantian.
- 9.2 Jika Pemegang Kad mengesyaki atau menyedari, sama ada melalui peringatan transaksi perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) daripada pihak Bank yang berkaitan dengan transaksi yang dilakukan menggunakan Kad Debit Pemegang Kad atau sebaliknya, Pemegang Kad harus memaklumkan pihak Bank mengenai perkara tersebut dengan segera.
- 9.3 Sehingga dan melainkan pemberitahuan seperti yang disebut dalam Fasal 9.1 di atas (sama ada secara lisan atau bertulis) diterima oleh Bank, Pemegang Kad adalah tetap bertanggungan terhadap semua caj dan Transaksi yang ditanggung melalui dan/atau pada Kad Debit, sama ada caj atau Transaksi tersebut berada dalam pengetahuan atau kuasanya atau tidak. Liabiliti tersebut adalah tanpa menjelaskan keluasan yang disebut di atas termasuk apa-apa Transaksi yang dilaksanakan melalui penggunaan Kad Debit yang hilang atau dicuri (sama ada sebelum atau selepas permintaan bagi Kad Debit gantian), termasuk transaksi yang dilaksanakan namun belum dicatatkan dalam Akaun Khas, dan apa-apa arahan tetap yang sedia ada yang dibuat oleh Pemegang Kad kepada Pedagang yang Diberi Kuasa. Pemegang Kad bertanggungjawab sepenuhnya untuk memaklumkan Pedagang Diberi Kuasa untuk membatalkan atau meminda sebarang arahan tetap sedia ada akan kehilangan atau kecurian Kad Debit dan/atau Kad Debit gentian.
- 9.4 Jika siasatan oleh Bank mendedahkan bahawa Pemegang Kad terlibat atau telah menyebabkan kerugian yang berpunca daripada sebarang Transaksi yang tidak dibenarkan, Pemegang Kad akan bertanggungan terhadap semua caj dan Transaksi yang ditanggung melalui dan/atau pada Kad Debit, sama ada sebelum atau selepas Bank menerima pemberitahuan bahawa Kad Debit tersebut hilang atau dicuri.

- 9.5 Pemegang Kad hendaklah bertanggungan atas Transaksi tanpa kebenaran yang memerlukan PIN, pengesahan tandatangan, atau penggunaan Kad Debit tanpa sentuh sekiranya Pemegang Kad telah:
- bertindak secara tipu daya;
 - lewat memaklumkan Bank dengan seberapa segera yang sepatutnya selepas menyedari kehilangan atau penggunaan Kad Debit tanpa kebenaran;
 - secara sukarela mendedahkan PIN kepada orang lain;
 - merekod PIN pada Kad Debit anda atau apa-apa yang disimpan berdekatan dengan Kad Debit;
 - meninggalkan Kad Debit atau item yang mengandungi Kad Debit tanpa pengawasan di tempat yang dapat dilihat dan boleh diakses oleh orang lain; atau
 - secara sukarela membenarkan orang lain menggunakan Kad Debit anda.
- 9.6 Walau apa pun dan tanpa menjelaskan keluasan fasal-fasal dalam Terma dan Syarat di sini, Pemegang Kad hendaklah secara zahir bersetuju bahawa penggunaan Kad Debit adalah atas risiko sendiri dan hendaklah menanggung semua risiko, bersampingan dengan, atau yang timbul daripada penggunaan Kad Debit. Hal ini termasuk penggunaan Kad Debit bagi sebarang Transaksi kewangan dan bukan kewangan, termasuk penggunaan Kad Debit bagi pendaftaran mana-mana perkhidmatan, sama ada disediakan oleh Bank atau sebaliknya.
- 9.7 Pemegang Kad tidak boleh menggunakan Kad Debit bagi sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang. Sekiranya Bank mengesyaki atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa Kad Debit tersebut telah digunakan untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang, Bank boleh mengambil sebarang tindakan yang dianggap wajar oleh Bank untuk memenuhi sebarang obligasi atau syarat-syarat di Malaysia atau di tempat lain di dunia berhubung dengan pencegahan sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang termasuk namun tidak terhad kepada penipuan, pengubahan wang haram, aktiviti keganasan, sogokan, rasuah atau pengelakan cukai atau penguatkuasaan sebarang sekatan ekonomi atau perdagangan. Tindakan yang boleh diambil oleh Bank termasuk menggantung atau menamatkan penggunaan Kad Debit tersebut dengan serta-merta, membuat laporan, dan mengambil tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh Bank mengikut kesesuaian.
- 9.8 Sekiranya berlaku sebarang prosiding atau seumpama dengan kebankrapan atau ketaksolvenan Pemegang Kad, Bank boleh membuktikan dan bersetuju untuk menerima sebarang dividen.

10. PENGECUALIAN LIABILITI

- 10.1 Bank tidak akan dalam apa jua keadaan bertanggungan atas kerosakan yang dialami atau kerugian yang ditanggung oleh Pemegang Kad termasuk namun tidak terhad kepada kehilangan reputasi atau rasa malu:
- berkenaan dengan sebarang pernyataan atau implikasi sebagaimana yang timbul akibat daripada
 - sebarang pembatalan atau keengganan pihak Bank untuk memperbaharui Kad Debit;
 - apa-apa penggantungan atau sekatan yang dikenakan oleh Bank atas penggunaan Kad Debit oleh Pemegang Kad; dan/atau
 - penarikan apa-apa faedah atau keistimewaan yang diberikan kepada Pemegang Kad melalui Kad Debit.
 - yang timbul daripada apa-apa tindakan atau peninggalan mana-mana Pedagang yang Diberi Kuasa atau Saluran Tunai yang Diberi Kuasa, walau apa pun penyebabnya;
 - disebabkan oleh sebarang pengekalan Kad Debit dan/atau keengganan mana-mana Pedagang yang Diberi Kuasa atau Saluran Tunai yang Diberi Kuasa untuk melunaskan Kad Debit.
 - berkenaan dengan apa-apa pernyataan, perwakilan, atau komunikasi yang dibuat oleh mana-mana Pedagang yang Diberi Kuasa atau Saluran Tunai yang Diberi Kuasa; dan/atau

- e) akibat daripada pengesanan atau kekurangan barang yang dibeli atau perkhidmatan yang disediakan oleh mana-mana Peniaga yang Diberi kuasa atau Saluran Tunai yang Diberi Kuasa.
- 10.2 Bank tidak akan bertanggungan terhadap apa-apa kerugian, kecederaan, atau kerosakan yang dialami termasuk kerugian berbangkit dan ekonomi, walau apa pun berpunca daripada dan/atau timbul kerana atau daripada kecacatan mekanikal atau pincang tugas ATM, CDM, Terminal POS, Terminal Tanpa Sentuh atau mana-mana SST lain, sama ada dimiliki oleh Bank atau pihak lain atau atas apa-apa keadaan di luar kawalan Bank, Bencana Alam atau mogok dan/atau pertikaian buruh lain.
- 10.3 Bank berhak untuk menambah, meminda, dan/atau menarik mana-mana Perbadanan Penerima daripada Perkhidmatannya tanpa menguntukkan apa-apa sebab dan tidak akan dijadikan bertanggungan terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami akibat tindakan tersebut.

11. PENAMATAN, PENGGANTUNGAN, DAN PEMBATALAN

- 11.1 Pemegang Kad boleh menamatkan penggunaan Kad Debit dengan memberikan Bank notis bertulis akan penamatkan dan memulangkan kepada Bank Kad Debit dipotong separuh, lalu penggunaan Kad Debit akan ditamatkan. Pemegang Kad hendaklah dan akan tetap bertanggungan atas sebarang Transaksi yang dilaksanakan melalui penggunaan Kad Debit sebelum penerimaan notis bertulis akan penamatkan dan pemulangan Kad Debit yang dipotong separuh kepada Bank.
- 11.2 Bank pada bila-bila masa sebagaimana mengikut dasar-dasarnya dengan notis awal menggantung, menamatkan, atau mengehadkan penggunaan Kad Debit dan tanpa sebarang apa jua liabiliti kepada Pemegang Kad atau mana-mana pihak ketiga untuk berbuat demikian. Tanpa menjelaskan keluasan yang disebut di atas, Bank boleh menggantung, menamatkan, atau mengehadkan penggunaan Kad Debit, apabila berlakunya mana-mana satu atau lebih peristiwa berikut:
- a) kebankrapan, kesolvenan, kematian, atau ketakupayaan Pemegang Kad;
 - b) sebarang pelanggaran Terma dan Syarat atau peruntukan oleh Pemegang Kad Perjanjian ini atau yang ditetapkan oleh mana-mana pihak berkuasa atau badan undang-undang, pengawalseliaan, atau lain-lain yang berkaitan bersama-sama ini; dan/atau
 - c) Pemegang Kad gagal membayar sebarang fi atau caj apabila perlu dibayar.
- 11.3 Penamatan penggunaan Kad Debit tidak menjelaskan liabiliti atau obligasi Pemegang Kad berkenaan dengan arahan yang diterima oleh Bank sebelum penamatkan sedemikian telah diproses atau sedang diproses oleh Bank selepas penamatkan tersebut. Walau bagaimanapun, selepas penamatkan sedemikian, Bank adalah tidak wajib memproses atau melengkapkan arahan pemprosesan yang diterima sebelum penamatkan tersebut.
- 11.4 Jika penggunaan Kad Debit ditamatkan oleh Bank atau Pemegang Kad atas apa-apa sebab, Pemegang Kad hendaklah dengan serta-merta memulangkan Kad Debit yang dipotong separuh kepada Bank.
- 11.5 Tidak akan ada apa-apa bayaran balik fi tahunan atau fi lain yang belum bayar apabila Kad Debit ditamatkan atas apa-apa sebab. Selepas penamatkan penggunaan Kad Debit, Bank tidak akan memberikan Penyata Akaun bulanan kepada Pemegang Kad.

12. KEISTIMEWAAN DAN FAEDAH JIKA BERKENAAN

- 12.1 Bank boleh pada setiap kitaran penyata mengkreditkan dalam Akaun Khas Pemegang Kad, aman Pulangan Tunai yang diperoleh atas Pembelian Runcit di luar negara yang timbul daripada penggunaan Kad Debit di Pedagang yang Diberi Kuasa.

- 12.2 Pulangan Tunai adalah tertakluk pada terma dan syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank dan amaun Pulangan Tunai hendaklah dikira pada kadar tersebut dan dengan merujuk kepada parameter seperti yang ditentukan oleh Bank mengikut dasar-dasarnya, dari semasa ke semasa.
- 12.3 Tanpa menjelaskan keluasan yang disebut di atas, Pulangan Tunai hanya akan terakru dan hanya dikreditkan selagi Akaun tetap dalam kedudukan yang baik.
- 12.4 Pulangan Tunai tidak akan diberikan sekiranya Akaun digantung atau ditutup atau Perjanjian ini ditamatkan (walau apa pun Pulangan Tunai tersebut sebagaimana yang berkaitan dengan tempoh sebelum penggantungan atau penutupan Akaun atau penamatan Perjanjian ini).
- 12.5 Untuk mendapatkan kadar Pulangan Tunai terkini dan keistimewaan lain yang terpakai untuk Kad Debit, sila rujuk www.alliancebank.com.my atau www.allianceislamicbank.com.my.

13. UNDANG-UNDANG DAN BIDANG KUASA YANG MENTADBIR

- 13.1 Terma dan Syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia. Pemegang Kad dengan ini bersetuju untuk mengemukakan secara tidak boleh ditarik balik kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

14. PEMELIHARAAN HAK DAN KELAYAKAN

- 14.1 Walau apa pun yang terdapat di dalam Perjanjian ini, hak dan kelayakan Bank mengikut Perjanjian ini akan tetap kekal berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya dan akan terus berkuat kuasa apabila berlaku sebarang pembatalan, penarikan balik, atau penggantungan penggunaan Kad Debit oleh Bank atau penamatan hubungan Jurubank dan Pemegang Kad antara Bank dengan Pemegang Kad.

15. VARIASI

- 15.1 Pemegang Kad bersetuju bahawa Bank berhak untuk, dari semasa ke semasa, mengubah, menambah, memadam, atau meminda kadar, fi, caj serta mana-mana terma dan syarat, yang tidak dirujuk secara khusus di tempat lain di sini, dengan memaklumkan Pemegang Kad akan pengubahan tersebut dengan memberikan notis dua puluh satu (21) Hari Kalender sama ada melalui penyata bulanan atau secara elektronik atau sebaliknya.
- 15.2 Pemberitahuan dalam Fasal 15.1 boleh dibuat oleh Bank melalui Penyata Akaun dan/atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap sesuai mengikut budi bicara Bank;
- 15.3 Sebarang pindaan yang dirujuk kepada Fasal 15.1 adalah berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Bank. Pengekalan atau penggunaan Mastercard selepas tarikh kuat kuasa yang dinyatakan oleh Bank adalah disifatkan membentuk penerimaan pengubahan tersebut tanpa sebarang keraguan oleh Pemegang Kad.
- 15.4 Sekiranya Pemegang Kad adalah tidak bersetuju dengan pengubahan tersebut, Pemegang Kad hendaklah dengan segera menyerahkan Mastercard dan mengembalikannya kepada Bank, dengan dipotong separuh dan lubang ditebus pada kedua-dua cip SMART dan jalur magnet, jika tidak, Pemegang Kad adalah disifatkan telah menerima pengubahan tersebut. Sesudah penyerahan dan pemulangan Mastercard oleh Pemegang Kad, semua wang yang belum selesai kepada Bank oleh Pemegang Kad bagi Akaun Mastercardnya akan tetap belum selesai dan belum bayar dan dalam apa jua keadaan, Pemegang Kad hendaklah dengan serta-merta atas permintaan Bank menyelesaikan Akaun Mastercardnya.

16. TELEKOMUNIKASI

- 16.1 Tertakluk kepada pengesahan yang betul, Bank boleh bergantung pada dan bertindak atas apa-apa arahan lisan atau bertulis yang diterima daripada Pemegang Kad melalui apa-apa cara yang boleh diterima oleh Bank termasuk namun tidak terhad kepada, melalui telefon, dalam talian, atau faksimili. Bank tidak akan bertanggungan terhadap Pemegang Kad dalam apa jua cara kerana bertindak dengan penuh percaya setelah menerima arahan sedemikian walau apa pun kemudiannya ditunjukkan bahawa perkara yang sama tidak diberikan oleh Pemegang Kad atau bagi apa-apa salah faham atau kerosakan yang dialami akibat Bank bertindak terhadap atau menyetujui apa-apa arahan atau permintaan sedemikian.

17. NOTIS

- 17.1 Sebarang Penyata Akaun, surat-menurut, atau notis kepada Pelanggan boleh dihantar melalui tangan atau dihantar melalui telefaks atau penghantaran elektronik atau pos biasa ke alamat terakhir Pelanggan yang diketahui dan perkhidmatan tersebut adalah disifatkan berkuat kuasa sesudah penghantaran (jika dihantar melalui tangan) atau pada masa penghantaran melalui telefaks atau jika dihantar melalui penghantaran elektronik ke e-mel Pelanggan (seperti yang dimaklumkan oleh Pelanggan) pada tarikh diterima atau tiga (3) hari bekerja selepas tarikh penghantaran dalam kes ini perkhidmatan tersebut adalah disifatkan berkuat kuasa tujuh (7) Hari Kalender dari pengiriman, penghantaran faksimili, atau penghantaran.
- 17.2 Sebarang kegagalan di pihak Pemegang Kad untuk memaklumkan Bank akan sebarang perubahan alamat yang mengakibatkan kelewatan atau pemulangan mana-mana Penyata Akaun, surat-menurut, dan/atau notis tidak akan menjasaskan hak atau kelayakan Bank di bawah Perjanjian ini.
- 17.3 Walau apa pun apa-apa peruntukan di sini, Bank adalah mempunyai budi bicara untuk menyampaikan apa-apa notis kepada Pemegang Kad dengan apa-apa cara lain, termasuk namun tidak terhad kepada:
- dalam satu (1) iklan akhbar harian;
 - melalui cara elektronik termasuk namun tidak terhad kepada e-mel dan/atau penerbitan di laman web;
 - memaparkan notis tersebut, jika sesuai, di premis Bank iaitu notis itu adalah disifatkan telah disampaikan kepada Pemegang Kad pada tarikh iklan itu tersiar di dalam akhbar atau tarikh notis tersebut mula-mula dipaparkan di premis Bank mengikut mana-mana yang berkenaan; dan/atau
 - Penyata Akaun.

18. PERKHIDMATAN PROSES UNDANG-UNDANG

- 18.1 Pemegang Kad dengan ini bersetuju bahawa penyampaian sebarang writ saman atau sebarang proses undang-undang berkenaan dengan sebarang tuntutan yang timbul daripada atau berkaitan dengan Perjanjian ini boleh dilaksanakan dengan memajukan salinannya kepada Pemegang Kad melalui pos berdaftar prabayar yang dihantar kepada Alamat Pemegang Kad seperti yang dinyatakan di dalam Borang Permohonan Pembukaan Akaun Bank atau alamat lain yang dimaklumkan oleh Pemegang Kad dan diterima oleh Bank dari semasa ke semasa atau apa-apa cara lain yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkaitan dan perkhidmatan tersebut adalah disifatkan perkhidmatan yang baik dan mencukupi oleh Pemegang Kad selepas tamat tempoh tujuh (7) hari dari tarikh penghantarannya walau apa pun mungkin dikembalikan tanpa dihantar.

19. SIJIL KEBERHUTANGAN

- 19.1 *Sijil yang ditandatangan oleh pegawai Bank akan wang yang belum selesai pada masa ini dan belum selesai kepada Bank daripada atau oleh Pemegang Kad adalah menjadi keterangan atau bukti muktamad terhadap Pemegang Kad bagi semua tujuan sekalipun termasuk bagi tujuan sebarang prosiding undang-undang.*

20. KEBOLEHASINGAN

- 20.1 *Ketidaksahihan atau ketakbolehkuasaan mana-mana peruntukan di sini sebahagian besarnya tidak akan membatalkan niat asas Perjanjian ini dan peruntukan yang tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan adalah boleh asing dan ketidaksahihan atau ketakbolehkuasaan mana-mana terma atau peruntukan di dalam Perjanjian ini tidak akan menjelaskan kesahihan atau kebolehkuasaan terma atau peruntukan lain yang terkandung di sini yang akan tetap berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya.*

21. PENDEDAHAN

- 21.1 *Pemegang Kad memberi keizinan dan memberi kuasa kepada Bank dan pegawai dan pekerjanya dengan tidak boleh ditarik balik untuk mendedahkan dan memberikan semua maklumat berhubung butiran dan hal ehwal Pemegang Kad (kewangan atau sebaliknya), butiran akaun, hubungan dengan Bank, terma-terma perjanjian, dan apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan Pemegang Kad atau perniagaan dan operasinya kepada kelas orang berikut dalam apa-apa cara dan setakat yang dianggap perlu oleh Bank mengikut dasar-dasarnya:*

- a) syarikat-syarikat berkaitan Bank menurut kuasa Seksyen 5 Akta Syarikat 1965 atau mana-mana syarikat bersekutu Bank (Bank berserta dengan syarikat-syarikat berkaitan/bersekutu seperti yang dinyatakan sebelum ini secara kolektif dirujuk sebagai "Alliance Bank Group") dan penerima serah hak dan pengganti hak milik. Untuk mengelakkan keraguan, pendedahan kepada Alliance Bank Group adalah untuk memudahkan operasi, perniagaan, jualan silang, dan tujuan lain Bank dan/atau Alliance Bank Group sentiasa dengan syarat bahawa pendedahan bagi tujuan jualan silang tidak akan dilaksanakan sekiranya pendedahan tersebut dibantah oleh Pemegang Kad melalui pemberitahuan bertulis kepada Bank;
- b) mana-mana orang untuk atau yang berkaitan dengan apa-apa tindakan atau prosiding undang-undang yang diambil untuk mendapatkan semula wang yang belum selesai dan belum bayar oleh Pemegang Kad kepada Bank;
- c) badan kawal selia, agensi kerajaan, pihak berkuasa percuaiyan, polis, badan penguatkuasaan undang-undang dan mahkamah, di dalam dan di luar Malaysia, termasuk yang menurut Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing Amerika Syarikat dan Standard Pelaporan Umum;
- d) Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation (Malaysia) Berhad (jika berkenaan) dan mana-mana pihak berkuasa lain yang berkaitan sebagaimana yang diberi kuasa oleh undang-undang untuk mendapatkan maklumat tersebut, atau pihak berkuasa/agensi sedemikian yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia, atau mana-mana agensi yang ditubuhkan oleh Persatuan Bank-bank dalam Malaysia/Persatuan Bank Islam dalam Malaysia;
- e) Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat, biro-biro kredit, agensi pelaporan kredit, dan syarikat yang ditubuhkan untuk mengumpul dan memberikan maklumat kredit tanpa kebenaran atau berlesen di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit;
- f) akauntan, juruaudit, peguam cara, penasihat, perunding dan/atau ejen sah lain Bank sebagaimana yang diperlukan bagi pelaksanaan fungsi, tugas, dan obligasi sewajarnya mereka terhadap Bank dan Alliance Bank Group;
- g) penyedia perkhidmatan, penama, ejen, kontraktor, atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga Bank yang berurusan dengan Bank dan syarikat-syarikat berkaitan atau bersekutu untuk menjalankan fungsi dan aktiviti Bank;

- h) suatu pihak luar sebagaimana yang diperlukan bagi sebarang aktiviti latihan korporat/usaha wajar yang dijalankan oleh Bank dan/atau Alliance Bank Group;
- i) mana-mana pihak pada masa akan datang yang mungkin menzahirkan niat untuk memperoleh kepentingan/pegangan saham dalam Bank/menurut mana-mana perencanaan, komposisi, penggabungan, pengambilalihan/penstrukturran semula yang dicadangkan antara Bank dengan pihak-pihak tersebut; dan
- j) mana-mana orang atau entiti lain dengan persetujuan terlebih dahulu Pemegang Kad.

22 PENCEGAHAN DAN PENGURANGAN PENIPUAN DAN SCAM PERBANKAN

- 22.1 Bank boleh dari semasa ke semasa menyediakan kemas kini atau kandungan terkini untuk mendidik Pelanggan dan mewujudkan kesedaran yang membantu mencegah atau mengurangkan risiko penipuan dan scam. Hal ini sebagaimana yang termasuk namun tidak terhad kepada petua, perisian/sistem pengendalian/aplikasi/kemas kini versi sekuriti, dan keperluan peraturan daripada mana-mana badan pentadbiran yang berkaitan.
- 22.2 Segala instrumen perbankan Pelanggan, misalnya buku cek/helaian cek, token sekuriti, kad debit, PIN perbankan telefon, tauliah log masuk (login credential) perbankan internet dan mudah alih, dan kod kebenaran transaksi (TAC) hendaklah berada dalam jagaan selamat. Pelanggan hendaklah memaklumkan Bank dengan serta-merta apabila Pelanggan mendapati terdapat kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran atau kebenaran yang sewajarnya mana-mana perkara di atas. Pelanggan tidak akan bertanggungan atas kerugian yang disebabkan oleh transaksi yang tidak dibenarkan yang berlaku selepas Pelanggan memaklumkan Bank mengikut Terma dan Syarat ini bawah instrumen perbankan Pelanggan yang dinyatakan di atas telah hilang, disalah guna, dicuri, terjejas, atau diceroboh.
- 22.3 Jika apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pelanggan disebabkan oleh kecuaian yang disengajakan oleh Bank semata-mata, liabiliti tunggal dan keseluruhan Bank (sama ada berkenaan dengan satu atau lebih tuntutan) kepada Pelanggan dalam kontrak atau tort adalah tidak melebihi amaun transaksi yang menimbulkan tuntutan atau tuntutan-tuntutan atau kerosakan langsung yang dialami, mana-mana lebih rendah. Dalam apa jua keadaan Bank tidak akan bertanggungan atau apa-apa kerugian perniagaan, kehilangan keuntungan, pendapatan atau muhibah, kehilangan data, kerosakan, liabiliti, tuntutan, kerugian, perbelanjaan, pengeluaran, pemberian, penalti, prosiding, dan kos tidak langsung, berbangkit, khusus atau sampingan tanpa mengira sama ada kemungkinan kerugian atau kerosakan tersebut didehdahkan kepada, atau boleh diramalkan secara munasabah oleh Bank.
- 22.4 Setelah dimaklumkan oleh Pelanggan tentang kejadian sedemikian, Bank akan menjalankan siasatan dan Pelanggan dikehendaki untuk memberikan maklumat dan kerjasama yang mencukupi bagi memudahkan siasatan. Bank dengan ini diberi kuasa untuk melaksanakan langkah-langkah berikut jika dikesan (dengan/tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada pelanggan) untuk mencegah atau mengurangkan kerugian kewangan tambahan sewaktu Bank menjalankan penyiasatan:
 - a) Tamatkan Kad Debit yang terjejas dan Pelanggan akan dimaklumkan setelah perkara di atas telah dikendalikan.

23. PERTIKAIAN

- 23.1 Pemegang Kad hendaklah menyelesaikan segala aduan, tuntutan, dan pertikaian terhadap Pedagang Diberi Kuasa atau Saluran Tunai Diberi Kuasa secara langsung dan tidak melalui Bank. Pemegang Kad dengan ini beraku janji untuk tidak menyuruh Bank dalam apa-apa tuntutan dan/atau pertikaian atau prosiding undang-undang.
- 23.2 Apa-apa tuntutan dan/atau pertikaian sebagaimana yang dimiliki oleh Pemegang Kad terhadap Pedagang yang Diberi Kuasa atau Saluran Tunai yang Diberi Kuasa tidak akan melepaskan Pemegang Kad daripada obligasi untuk membayar amaun yang ditanggung di bawah Perjanjian ini kepada Bank.

- 23.3 Sekiranya terdapat sebarang perkhidmatan berkaitan pertanyaan atau aduan, Pemegang Kad boleh di ajukan melalui info@alliancecfg.com.
- 23.4 Sekiranya pertanyaan atau aduan Pelanggan tidak diselesaikan dengan sewajarnya oleh Bank, Pelanggan hendaklah menghubungi Financial Markets Ombudsman Service (FMOS) di:
- Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia,
No.4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur.*

Talian: 03-2272 2811

Laman web: www.fmoss.org.my

24. TANGGUNG RUGI

- 24.1 Setakat yang dibenarkan penuh oleh undang-undang, Pemegang Kad berak u janji untuk tidak menjadikan Bank bertanggungan dan menanggung rugi Bank terhadap semua tindakan, prosiding, tuntutan, permintaan, kerugian, kerosakan, kos, dan perbelanjaan (termasuk namun tidak terhad kepada perbelanjaan undang-undang atas dasar tanggung rugi penuh) sebagaimana yang diterima atau ditanggung oleh Bank dalam menguatkuasakan atau cuba menguatkuasakan haknya di bawah Perjanjian ini, sekiranya Pemegang Kad melanggar mana-mana Terma dan Syarat yang terkandung di sini.

25. FORCE MAJEURE

- 25.1 Tanpa menjaskan mana-mana peruntukan Perjanjian ini, Pemegang Kad bersetuju untuk tidak menjadikan Bank bertanggungan sekiranya Bank tidak dapat melaksanakan secara keseluruhan atau sebahagian mana-mana obligasinya di bawah Perjanjian ini, yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kerosakan elektrik, pertikaian industri, apa-apa tindakan di luar kawalan Bank atau disebabkan oleh apa-apa faktor yang bersifat force majeure.

26. PENGISYTIHARAN AM

- 26.1 Pemegang Kad mengakui bahawa suatu salinan Lembaran Pendedahan Produk (“PDS”) daripada Bank (melalui Cawangan atau laman web di www.alliancebank.com.my) telah diperoleh dan maklumat yang terkandung di dalamnya telah dibaca dan difahami sepenuhnya termasuk semua maklumat berkaitan dengan fi dan caj.
- 26.2 Pemegang Kad membenarkan Bank, dari semasa ke semasa, untuk mengakses, mendapatkan, menentusahkan dan/atau menggunakan sebarang data atau maklumat daripada mana-mana sumber (termasuk agensi-agensi rujukan kredit, Bank Negara Malaysia (“BNM”), Biro Kredit dan/atau, Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (“CCRIS”) dan pihak berkuasa berkaitan) bagi tujuan penilaian kedudukan kredit, penggunaan produk ini, dan sebarang kemudahan atau perkhidmatan yang dimiliki atau mungkin dimiliki oleh Pemegang Kad (sama ada dengan Bank atau tidak).

27. ANTISOGOKAN DAN RASUAH

- 27.1 Bank telah memperkenalkan dan mengekalkan dasar dan prosedur yang dirangka untuk mencegah sogokan dan rasuah oleh Bank dan pengarah, pegawai, atau pekerjaannya; dan sepanjang pengetahuan Bank, Bank mahupun mana-mana pengarah, pegawai, atau pekerja Bank tidak terlibat dalam sebarang aktiviti atau kelakuan yang akan melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan antisogokan atau antirasuah yang berkenaan dengan Bank. Bank tidak,

dan berwaad bahawa Bank tidak akan, berhubung dengan perjalanan aktiviti perniagaannya, berjanji, memberi kuasa, mengesahkan, atau menawarkan untuk membuat, atau mengambil apa-apa tindakan untuk melanjutkan apa-apa pembayaran, sumbangan, hadiah, bayaran balik, atau pemindahan apa-apa yang berharga lain, atau apa-apa pengumpunan, secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana individu.

- 27.2 *Menurut kuasa permohonan produk ini, Pelanggan dengan ini mengakui bahawa Pelanggan telah dimaklumkan akan ringkasan dasar antisogokan dan rasuah Bank yang boleh didapati di www.alliancebank.com.my/Anti-Bribery-and-Corruption-Summary-of-Policy.aspx dan seterusnya berwaad/beraku janji bahawa Pelanggan tidak akan terlibat dalam amalan rasuah sedemikian dengan apa jua cara sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pengarah, pegawai, atau pekerja Bank.*

28 *Cara untuk hubungi kami*

- 28.1 *Untuk mendapatkan bantuan lanjut, sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di 03-5516 9988 atau kunjungi mana-mana cawangan Alliance Bank.*